

CNS3067

U GB 11-11 00176 BA633

AAB

Mahathir - Kasino

TIADA LAGI KASINO, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 11 Nov (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan bahawa kerajaan tidak akan meluluskan lagi pembinaan kasino di negara ini kerana yang ada sudah mencukupi.

"Saya sudah ulang berkali-kali, sampai sudah jemu hendak dengar...saya kata tidak ada...tidak akan ada lagi kasino di Malaysia...setakat yang ada sahaja," katanya.

Sekiranya ada pengusaha yang mahu membuka kasino dalam botpun kerajaan tidak akan membenarkan, katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di sini sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan kerja sehari ke sini.

"Jadi, buat kali terakhir, jangan tanya lagi soalan ini. Tidak usahlah pergi cerita pada orang lain perkara yang tidak betul," katanya ketika ditanya pemberita sama ada khabar-khabar yang mengatakan kononnya kerajaan telah meluluskan lesen bagi pembinaan sebuah kasino di Langkawi.

Perdana Menteri berkata, tanpa kasinopun, bilangan pelancong ke Langkawi telah meningkat kepada lebih sejuta orang dalam tempoh beberapa tahun sahaja pulau itu diberi taraf bebas cukai. -- Lagi.

▼11/11/19-37MST

U GB 11-11 00176 BA633

AAB

Mahathir - Kasino 2 Langkawi

Menurutnya, jika Langkawi tidak diberi taraf bebas cukaipun beliau yakin orang tetap akan datang ke pulau ini kerana walaupun ada peniaga yang menjual barang pada harga yang mahal, orang masih datang ke pulau pelancongan itu.

Beliau juga berkata, Jemaah Pengarah Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA) yang bermesyuarat hari ini telah meluluskan permohonan pihak swasta untuk mengadakan pelbagai projek pembangunan di Langkawi yang bernilai lebih RM1,000 juta.

Katanya, antara projek itu ialah pembangunan padang golf, chalet, pusat membeli-belah, projek ternakan udang dan marina.

Perdana Menteri menghadiri mesyuarat Jemaah Pengarah LADA di hotel Sheraton Langkawi di sini sebagai penasihat.

Mesyuarat itu dipengerusikan Pengerusi Bersama LADA, iaitu Menteri Besar Kedah, Tan Sri Haji Osman Aroff dan bekas Menteri Kewangan, Tun Daim Zainuddin. -- Lagi.

▼11/11/19-50MST

Mahathir - Kasino 3 Langkawi

Menurut Dr Mahathir LADA juga menerima permohonan daripada pihak swasta untuk mengadakan pusat kesihatan yang turut mempunyai marina di kawasan seluas 400 hektar di sini.

Katanya, walaupun LADA pada dasarnya bersetuju dengan projek itu tetapi ia mahu pengusaha berkenaan mengemukakan cadangan terperinci sebelum kelulusan diberi.

Pengusaha berkenaan bercadang membangunkan projek itu dalam tempoh tiga tahun.

Mengenai kedatangan pelancong ke Langkawi, Perdana Menteri yakin jumlahnya tahun ini akan melebihi jumlah tahun lepas memandangkan sehingga Ogos tahun ini lebih 800,000 pelancong berkunjung ke Langkawi berbanding 1.02 juta pelancong sepanjang tahun lepas.

"Kita percaya dengan adanya Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (lima '93) bilangan pelawat akan melebihi angka tahun lepas," katanya. -- Lagi

▼11/11/20-56MST

AAB

Mahathir - Kasino 1 Langkawi

Dr Mahathir berkata matlamat kerajaan ialah supaya bilangan pelancong ke Malaysia sama jumlahnya dengan penduduk negara ini iaitu nisbah seorang pelancong bagi setiap penduduk.

"Kita perlu 20 juta pelancong pada tahun 2000," katanya.

Beliau berkata, bilangan pelancong ke negara ini berjumlah lapan juta orang tahun lepas dan beliau berharap jumlahnya bertambah menerusi kempen Tahun Melawat Malaysia tahun depan.

Katanya, Malaysia mahu mencontohi negara-negara seperti Cyprus dan Malta, yang nisbah pelancong dengan penduduk negara itu masing-masing dua orang bagi setiap penduduk dan tiga orang bagi setiap penduduk.

Ketika menjawab soalan pemberita, beliau berkata, kerajaan membenarkan kawasan Gunung Raya di sini dimajukan dengan projek pelancongan termasuk pembinaan chalet asalkan projek itu tidak membabitkan penebangan pokok yang terlampau banyak, sebahagian besarnya dibina dengan kayu, tidak menjejaskan alam sekitar dan pembangunannya terkawal. -- Lagi

▼11/11/21-09MST

R GB 11-11 00211 BA637

AAB

Mahathir - Kasino 5 (Akhir) Langkawi

Pada masa ini terdapat sebuah Tea House dan menara untuk menyaksikan pemandangan indah di puncak Gunung Raya, yang terletak 867 meter dari aras laut, dimajukan syarikat Woodhouse Sdn Bhd dengan kos RM4 juta.

Semasa merasmikan Tea House itu tengah hari tadi Dr Mahathir berkata, penduduk Langkawi bernasib baik kerana kehidupan mereka kini lebih mewah daripada penduduk di tanah besar berikutan pembangunan di pulau itu.

Sementara itu, Pengurus Besar LADA, Haji Abdul Hajil Abdul Mutalib memberitahu pemberita mesyuarat lembaga itu hari ini meluluskan tujuh projek.

Katanya, pada mesyuarat itu LADA bersetuju supaya setiap hotel yang akan dibangunkan di sini pada masa akan datang mempunyai kawasan tempat letak kereta di bahagian depan dan belakangnya dan pembinaan seni taman serta hotel tidak secara bersesak.

Menurutnya, agenda utama mesyuarat ialah mengenai persiapan Lima.

Dalam lawatan hari ini Perdana Menteri, yang diiringi Menteri Besar Tan Sri Osman Arol, Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Usahawan Negeri Datuk Syed Razak Syed Zain dan Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Datuk Abu Bakar Taib antara lain melawat Kompleks Sukan, projek pembezaan Masjid Al-Hana dan chalet Twin Peak Resort, kesemuanya di Pekan Kuah. -- Bernama

KHY 20 KAM